



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
MUZIK MENGGUNAKAN E-PORTFOLIO MELALUI WEBLOG
TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI:
SATU KAJIAN KES DI SEBUAH
UNIVERSITI AWAM**

AMRAN BIN ARIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN MUZIK)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 18 (hari bulan) SEPT (bulan) 2018

i. Perakuan pelajar :


Saya, AMRAN BIN ARIS, P20072000769, FMSP (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK MENGGUNAKAN E-PORTFOLIO MELALUI WEBLOG TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR SARA TINGGI: SATU KAJIAN KES DI UNIVERSITI BAWAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Mohd. Hassan B. Abdullah (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Muzik Menggunakan E-Portfolio Melalui Weblog Terhadap Kemahiran Berfikir Sara Tinggi: Satu Kajian Kes Di Universiti Bawan (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Muzik) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

18/9/2018
Tarikh


Tandatangan Penyelia
Associate Prof. Dr. Mohd Hassan Bin Abdullah



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai penggunaan e-portfolio melalui aplikasi weblog untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pelajar dalam subjek Muzik Tradisional Malaysia berasaskan Model Teknologi Pedagogi Pengetahuan Kandungan (TPACK). Penggunaan Model ADDIE pula digunakan untuk membangunkan weblog sebagai tapak E-Portfolio. Seramai 72 orang pelajar dari Universiti Awam iaitu 46 orang daripada bidang Pendidikan Muzik, 22 orang daripada Pengajian Malaysia dan empat orang daripada Pengajian Sejarah yang mengikuti subjek Muzik Tradisional Malaysia dijadikan sampel kajian. Bagi analisis kuantitatif, data dikumpulkan melalui soal selidik dan responden menjawab soal selidik berdasarkan item-item soalan yang disediakan. Analisis kualitatif pula menggunakan temu bual semi struktur, kajian lapangan, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengumpulan data melalui temu bual semi struktur, jurnal refleksi, dokumentasi kajian lapangan pelajar dan debat atas talian dianalisis menjawab persoalan kajian. Dapatan daripada soal selidik menunjukkan min markah sangat signifikan terhadap aplikasi weblog dalam penggunaan e-portfolio. Hasil temu bual menunjukkan maklumbalas yang positif berdasarkan tema yang muncul iaitu dapat merangsang pemikiran kritis pelajar terhadap penggunaan weblog. Hasil analisis dokumen terhadap jurnal refleksi dalam weblog individu menjurus kepada elemen refleksi kritis (KBAT) berbanding refleksi diskriptif (KBAR). Dokumentasi kajian lapangan dalam laman weblog yang dibina mempunyai ciri-ciri multimedia (audio, video, gambar dan teks) dan boleh berinteraksi secara atas talian. Debat atas talian yang dijalankan mencapai tahap yang berkualiti berdasarkan hujah dan pandangan yang kritis. Kesimpulannya, keupayaan penggunaan e-portfolio melalui aplikasi weblog dapat meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi pelajar melalui penglibatan aktif semasa melaksanakan tugas. Implikasi kajian ini, E-portfolio melalui weblog boleh dijadikan sumber rujukan bagi pihak penggubal kurikulum muzik untuk menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



**THE EFFECTIVENESS OF TEACHING AND LEARNING OF MUSIC
EDUCATION USING E-PORTFOLIO THROUGH WEBLOG
TOWARDS THE STUDENTS' HIGH ORDER
THINKING SKILLS: A CASE STUDY
IN A PUBLIC UNIVERSITY**

ABSTRACT

This study aims to evaluate the use of e-portfolios through weblog applications to enhance the higher order thinking skills (HOTS) of students of Malaysian Traditional Music subject based on Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) model. ADDIE Model is used to develop weblog as E-Portfolio site. A total of 72 students from Public University which involved 46 students from the Music Education, 22 students from Malaysian Studies and four from History studies who took the subject of Malaysian Traditional Music were used as sample of the study. For quantitative analysis, data were collected through questionnaires which then answered by the sample based on the questions item provided. Qualitative analysis uses semi-structural interviews, field studies, observations and document analysis. Data collection through semi structural interviews, reflection journals, student field study documentation and online debates were analyzed in answering the questions of the study. The findings from the questionnaire showed that mean score was very significant towards weblog application in the use of e-portfolios. The interviews show positive feedback based on the emerging themes that can stimulate student's critical thinking in regards the use of weblogs. The results of document analysis on reflection journals in individual weblogs lead to critical reflection (HOTS) rather than descriptive reflection (LOTS). The fieldwork documentation in the weblogs created has multimedia features (audio, video, pictures and texts) and able to interact online. The online debates conducted has reached a high quality level based on critical arguments and views. Ultimately, the ability to use e-portfolios through weblog applications can improve the students' HOTS through active participation. Further, the implication of this study, E-portfolio through weblog can be used as reference source for music curricula makers to apply High Level Thinking Skills.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Penyataan Masalah	23
1.4	Signifikan Kajian	29
1.5	Tujuan dan Objektif Kajian	31
1.6	Persoalan Kajian	32
1.7	Definisi Operasional	32
1.8	Kerangka Teori	36
1.9	Kerangka Kajian	37

1.10 Batasan Kajian	37
---------------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	39
2.2 Penggunaan Internet Dalam Pendidikan	40
2.3 Pembelajaran Berasaskan Web	42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	78
3.2 Reka bentuk Kajian	79
3.3 Kerangka Teori	79
3.4 Kerangka Konseptual Kajian	85
3.5 Kaedah Kajian	86
3.6 Peserta Kajian	88
3.7 Prosedur Kajian	89
3.8 Instrument Kajian	98

BAB 4 REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN *WEBLOG*

4.1 Pendahuluan	102
4.2 Pemilihan Laman <i>Weblog</i> Untuk Pembangunan Laman <i>Weblog</i> SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia	103
4.3 Model Reka Bentuk Pengajaran Berasaskan Internet	135

BAB 5 ANALISIS

5.1 Pendahuluan	144
5.2 Dapatan Kajian	171



5.3 Rumusan	221
-------------	-----

BAB 6 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Pengenalan	222
6.2 Kesimpulan	222
6.3 Implikasi Pedagogi	231
6.4 Cadangan	233
6.5 Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan	234
6.6 Kesimpulan	235



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Zon Perkembangan Proksimal Vygotsky (Sang, 2009)(m.s. 39)	66
3.1 TPACK	84
3.2 Kerangka Konseptual Kajian	85
4.1 Carta Aliran Reka bentuk Dan Pembinaan Weblog SMT2252	105
4.2 Pencarian Melalui Google.com	105
4.3 Membuat Akaun Baru Gmail	106
4.4 Pendaftaran Email Menggunakan Gmail.com	106
4.5 Mendaftar email	107
4.6 Pendaftaran Email selesai	107
4.7 Paparan Menunjukkan Pendaftaran telah berjaya	108
4.8 Paparan Keseluruhan Gmail	108
4.9 Pendaftaran untuk membuat <i>weblog</i>	109
4.10 Pengesahan Profail	110
4.11 Memberi Tajuk Dan Alamat URL	110
4.12 Memilih template	111
4.13 <i>Weblog</i> Telah Selesai Dibuat	112
4.14 Penggunaan Dalam Subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia	114
4.15 Laman Web Docstoc.Com	115
4.16 Membuat Pendaftaran di Docstoc.com	115

4.17	Pendaftaran Yang Telah Selesai	116
4.18	Cara Memuatnaik Dokumen <i>Powerpoint (PPT)</i>	116
4.19	Mengisi Tajuk Dokumen Sebelum Paparan Di <i>Weblog SMT2252</i>	117
4.20	Dokumen Yang Telah Selesai Dimuatnaik	117
4.21	Laman <i>Weblog Web Podomatic</i>	118
4.22	Mengisi Data Pengenalan Diri	119
4.23	Paparan Akaun <i>Podomatic</i> Yang Telah Didaftar	119
4.24	Carta aliran untuk memuatnaik audio	120
4.25	Proses Memuatnaik Audio	120
4.26	Paparan Untuk Suntingan	121
4.27	Audio Sedia Untuk Disiarkan	122
4.28	Mengemas kini Paparan Audio Dalam <i>Podomatic</i>	122
4.29	Meletakkan <i>Badge</i> ke Dalam <i>Weblog SMT2252</i>	123
4.30	Carta Laman <i>Weblog</i> Pensyarah Dan Pelajar	125
4.31	<i>Weblog</i> Pensyarah SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia	128
4.32	Laman Facebook SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia	129
4.33	<i>Podomatic Podcasting</i> Untuk SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia	130
4.34	Pemasangan Pautan <i>Weblog</i> Kumpulan Pada <i>Weblog</i> Pensyarah	131
4.35	Perisian <i>Docstoc</i> Di Dalam <i>Weblog</i>	131
4.36	Contoh <i>Weblog</i> Individu Untuk Pelajar	133
4.37	Contoh <i>Weblog</i> Kumpulan Yang Telah Siap Dibina	134
4.38	Model pengajaran berdasarkan teori ADDIE	136
42	Carta Laman <i>Weblog</i> Kumpulan Muzik Tradisional Malaysia	142

5.1	Tarmizi SMT2252	174
5.2	Nadia SMT2252	175
5.3	Zulhilmi SMT2252	176
5.4	Khadijah SMT2252	178
5.5	Garry SMT2252	179
5.6	Suriani SMT2252	181
5.7	Debat <i>Online</i> Pencadang 1	189
5.8	Debat <i>Online</i> Pembangkang 1	190
5.9	Debat <i>Online</i> Pencadang 2	190
5.10	Debat <i>Online</i> Pembangkang 2	191
5.11	Debat <i>Online</i> Pembangkang 3	192
5.12	Debat <i>Online</i> Pembangkang 4	192
5.13	Debat <i>Online</i> Pencadang 3	193
5.14	Laman <i>Weblog</i> Menora	196
5.15	Laman <i>Weblog</i> Wayang Kulit	198
5.16	Laman <i>Weblog</i> Kuda Kepang	201
5.17	Blooms Revised Taxonomy	204

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan Piaget dan Vygotsky	67
3.2	Ringkasan Tugas Dalam Weblog	96
5.1	Jumlah Pelajar Mengikut Jantina	146
5.2	Jumlah Pelajar Mengikut Program	146
5.3	Jumlah Pelajar Mengikut Kelayakan Masuk Ke UPSI	147
5.4	Statistik Penilaian Tahap Latar Belakang Kemudahan Dan Penggunaan ICT Pelajar	147
5.5	Mempunyai komputer peribadi/komputer riba	148
5.6	Komputer boleh menerima isyarat wireless internet	148
5.7	Mempunyai pendedahan awal tentang ICT	149
5.8	Mempunyai Streamyx TM atau Broadband Mudah Alih seperti Celcom, Digi ataupun Maxis	149
5.9	Biasa menggunakan program Microsoft Office untuk menyempurnakan tugas	150
5.10	Mahir menggunakan Microsoft Power Point secara interaktif	150
5.11	Mempunyai akaun laman sosial seperti facebook, Friendster atau tagged	151
5.12	Sering membantu kawan/pengajar lain untuk mengendali Laman Weblog	152
5.13	Jika berlaku masalah terhadap Laman Weblog (software), adakah anda yakin untuk memperbetulkannya?	152
5.14	Statistik Penilaian Tahap Kekerapan Penggunaan ICT Responden	153



5.15	Menggunakan peralatan ICT	154
5.16	Mencari maklumat melalui Internet	155
5.17	Membaca dan menghantar E-Mail	155
5.18	Menggunakan video-conference dalam pembelajaran	156
5.19	Memuat turun (Download) fail.	157
5.20	Memuat naik (upload) fail	157
5.21	Membeli-belah secara (on-line) atas talian	158
5.22	Mengikuti kursus (menyemak bahan kuliah/kursus on-line)	158
5.23	Membaca weblog sama ada weblog politik, pendidikan, hiburan dan lain-lain	159
5.24	Memberi komen pada weblog yang dibaca	160
5.25	Menggunakan bahan grafik atau animasi komputer semasa membentangkan tugasan	160
5.26	Mengamalkan pembelajaran dalam net-working (chat, perbincangan, forum dalam mypendidik dan lain-lain)	161
5.27	Statistik Penilaian terhadap penggunaan internet dan weblog	162
5.28	Mengetahui tentang kewujudan weblog di arena dunia internet	163
5.29	Pernah membaca weblog yang terdapat di internet	163
5.30	Adakah anda mempunyai weblog individu?	164
5.31	Weblog mempunyai audio dan video selain teks	164
5.32	Pengajar menggunakan weblog di dalam kuliah atau tutorial yang anda hadiri	165
5.33	Pernah menonton video di YouTube	165
5.34	Adakah anda pernah muat turun (download) video yang terdapat di YouTube?	166
5.35	Statistik persepsi terhadap penggunaan internet dan komputer	166

5.36	Saya ingin mengetahui lebih lanjut tentang internet dan komputer	167
5.37	Saya merasa mudah bekerja dengan internet dan komputer	167
5.38	Saya bercadang untuk mengikuti kursus internet dan komputer	168
5.39	Merasa selesa bekerja dengan internet dan komputer	168
5.40	Boleh bekerja menggunakan komputer	169
5.41	Boleh mengikuti perkembangan teknologi komputer	170
5.42	Saya amat berminat untuk mempelajari kemahiran menggunakan internet bagi mata pelajaran yang saya pelajari	170
5.43	Indikator kualiti Jurnal Refleksi pelajar	172
5.44	M1 Cara membangunkan weblog untuk kegunaan kuliah SMT2252	173
5.45	M2 Soundscape, budaya muzik, sejarah, kategori alat muzik, konsep dan struktur	173
5.46	M3 Ciri-ciri muzik tradisional Malaysia	175
5.47	M4 Wayang Kulit	177
5.48	M5 Gamelan dan Caklempong	177
5.49	M6 Mak Yong dan kompang	180
5.50	M7 Sejarah Muzik Tradisional	182
5.51	M8 Menora	183
5.52	M9 Makyung	183
5.53	M10 Muzik dan Orkestra Klasik India	184
5.54	M11 Nobat dan Orkestra Cina Moden	184
5.55	M12 Boria	185

5.56	M13 Gendang 24 Musim	186
5.57	M14 Tarian Singa	186
5.58	Debat Atas Talian	189
5.59	A. Petunjuk Mudah Melayari Weblog Kumpulan	194
5.60	Keputusan Dapatan Item A. Mudah melayari weblog	195
5.61	Pilihan Pengguna Dalam Melayari Weblog Kumpulan	197
5.62	Keputusan Dapatan Item B. Pilihan Pengguna Dalam Melayari Weblog Kumpulan	197
5.63	Persepaduan standard, artifak, refleksi dalam weblog kumpulan	199
5.64	Dapatan Kajian Item C Persepaduan Artifak, refleksi Di Dalam Weblog Kumpulan	199
5.65	D. Penggunaan Multimedia Yang Sesuai	200
5.66	Dapatan Kajian Item D Penggunaan Multimedia Yang Sesuai Dalam Weblog Kumpulan	200
5.67	Item E. Kriteria Penilaian Kandungan Dalam Weblog	202
5.68	Dapatan Kajian Item E Kriteria Penilaian Kandungan Dalam Weblog	203
5.69	A1 Saya rasa merekodkan E-portfolio boleh membuat saya lebih berfikiran kritikal menghasilkan jurnal refleksi saya	209
5.70	A2 Saya rasa e-portfolio boleh membuat saya memahami kandungan kursus dengan lebih mendalam	210
5.71	A3 Saya rasa melihat e-portfolio pelajar-pelajar lain menarik dan berguna untuk saya memperbaiki jurnal refleksi saya	210
5.72	A4 Saya rasa membentangkan kerja-kerja dengan fail-fail digital adalah jelas dan mudah bagi saya untuk melihat kerja-kerja pelajar yang lain	211
5.73	A5 Saya ingin membuat E-Portfolio dalam subjek yang lain	212

5.74	C1 Saya rasa entri pengajar yang disiarkan melalui weblog pengajar serta pautan yang disediakan ke laman web lain dapat membantu saya belajar	214
5.75	C2 Saya rasa melayari weblog pengajar dan melihat artikel di weblog ini adalah sangat mudah	214
5.76	C3 Saya boleh mencari dengan cepat fail yang saya mahu lihat	215
5.77	D1 Saya rasa adalah mudah untuk menggunakan fungsi komen	216
5.78	D2 Saya rasa menggunakan fungsi komen untuk berbincang dengan rakan-rakan sekelas atau pengajar adalah sangat menarik dan dapat meningkatkan kualiti jurnal refleksi	217
5.79	D3 Saya rasa menggunakan fungsi komen untuk berbincang dengan rakan-rakan sekelas boleh membantu saya belajar	217
5.80	D4 Saya akan aktif di weblog dan komen mengenai perkara yang sedang diperbincangkan weblog ini adalah sangat mudah	217
5.81	D5 Saya berharap saya boleh berbincang dengan pelajar atau bertukar fikiran sekerap mungkin di weblog	218
5.82	D6 Saya berharap bahawa saya boleh membuat weblog saya sendiri dan berkongsi dengan rakan-rakan sekelas	218
5.83	E1 Saya rasa reka bentuk susun atur dalam weblog adalah menarik	220
5.84	E2 Saya rasa reka bentuk susun atur weblog jelas dan saya boleh mencari artikel yang saya mahu lihat	220



SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
CMS	<i>Content Management System</i>
DTC	<i>Day Training Centre</i>
HOTS	<i>Higher Order Thinking Skills</i>
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JNP	Jemaah Nazir Persekutuan
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KDPM	Kursus Diploma Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LOTS	<i>Lower Order Thinking Skills</i>
MTC	<i>Malayan Teachers College</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
PCK	<i>Pedagogical Content Knowledge</i>
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPISMP	Program Pra Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
TPCK	<i>Technological Pedagogical Content Knowledge</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Persetujuan Peserta Kajian
- B Surat Kebenaran EPRD
- C Surat Pengesahan Pembentangan Proposal
- D Laporan *Turnitin*
- E Perancangan SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia
- F Borang Soal Selidik Sebelum Memulakan Kajian
- G Borang Jadual Analisis Kandungan Jurnal Refleksi
- H Borang Dapatan *Online Debate*
- I Borang Soal Selidik E-Portfolio SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia
- J Rubrik Soal Selidik
- K Rubrik Diskriptif dan Kritikal





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pendahuluan

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pendidikan dalam menghadapi usaha menyediakan generasi yang berketrampilan bersaing secara global di alaf baru. Malah banyak negara maju telah menyedari tentang keperluan mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan di masa hadapan. Atas kesedaran ini, Malaysia terus berusaha untuk mempertingkatkan sistem





pendidikan selaras dengan keperluan teknologi masa kini dengan menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan..

Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1993), untuk mencapai sistem pendidikan yang cemerlang, perlulah berganjak dari norma kebiasaan kepada yang lebih kreatif, inovatif dan imaginatif. Untuk menyempurnakan amanah bangsa dan negara, seharusnya diwujudkan sistem pendidikan yang terbaik untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara. Untuk ini juga, budaya berfikir yang melibatkan bukan sahaja andaian-andaian, malah perubahan cara berfikir, cara bekerja, cara mengajar, pedagogi dan sebagainya.



Oleh yang demikian, satu pembaharuan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk membudayakan masyarakat dengan memberi fokus utama kepada usaha-usaha strategik untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran ke tahap dunia dengan menggunakan ICT. Ini bertujuan bagi membolehkan dan mempercepatkan lagi matlamat pendidikan. Menurut Tengku Mohd Azman Shariffadeen (1997), Malaysia telah melancarkan salah satu dari projek mega di dunia iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC) yang bertujuan merombak bukan sahaja infrastruktur dan prosedur rakyat Malaysia, malah sistem pendidikan agar setanding dengan negara maju dalam bidang ICT.





Mahathir Mohamad (2001), dalam usulnya mengenai rancangan Malaysia kelapan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 April 2001 menyatakan

“Kerajaan akan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat melalui penggunaan ICT seperti pembelajaran jarak jauh. Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) gelombang pertama akan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan setelah Kerajaan menentukan keberkesanan pelaksanaannya. Konsep sekolah bestari akan diperluaskan untuk merangkumi 8,000 sekolah ... “

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa matlamat pembangunan sistem pendidikan negara bagi menghadapi alaf baru ialah merealisasikan sistem pendidikan negara bertaraf dunia bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Ahmad Sarji Abdul Hamid (1993), menyatakan sepuluh fokus utama pendidikan, antaranya penggunaan internet sebagai infrastruktur pengajaran dan pembelajaran. Semenjak 1990, pendidikan di Malaysia telah meningkat maju dengan begitu jelas dari segi pertambahan bilangan sekolah dengan kemudahan diberikan untuk pendidikan sains, teknologi dan ICT. Bilangan sekolah menengah berasrama penuh, sekolah menengah teknik, sekolah menengah kebangsaan agama juga telah bertambah.

Selaras dengan pertambahan bilangan sekolah, enrolmen pelajar telah meningkat dan bilangan keciciran telah berkurangan khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang tinggal di luar bandar dan pedalaman. Selaras dengan perkembangan teknologi, KPM telah memperkenalkan ICT dalam pendidikan seperti Projek Rintis Sekolah Bestari, SchoolNet, Projek MySchoolNet, Makmal





Pengkomputeran, TV Pendidikan, pembekalan kemudahan ICT untuk PPSMI, pengenalan mata Pendidikan ICT, Latihan ICT untuk pengajar dan Projek Pengkomputeran dalam pendidikan.

Pembelajaran berasaskan web berkait rapat dengan perkembangan teknologi komputer serta teknologi maklumat yang mempunyai potensi untuk meningkatkan keupayaan penyampaian ilmu. Ia boleh digunakan sebagai strategi alternatif dalam penyampaian berkaitan muzik dan tidak hanya semata-mata bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Begitu juga dengan penggunaan kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam pengisian kurikulum telahpun dinyatakan secara nyata tentang elemen-elemen baru yang amat perlu dikuasai oleh pelajar. Elemen-elemen tersebut ialah kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Elemen-elemen ini amat perlu dikuasai pelajar untuk diaplikasikan dalam dunia pekerjaan kelak (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Dalam pengisian kurikulum telahpun dinyatakan secara nyata tentang elemen-elemen baru yang amat perlu dikuasai oleh pelajar. Antara elemen-elemen tersebut, Kemahiran Berfikir dianggap sebagai elemen yang sangat penting khususnya Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Begitu juga dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) di dalam Strategik





PIPP Teras 6 iaitu Pembangunan Modal Insan menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam penguasaan ilmu pengetahuan.

Kenyataan di atas disokong oleh Alimuddin Bin Haji Mohd Dom (2008) di dalam Persidangan Kebangsaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2008. “Aspirasi Membina Negara Bangsa” menyaksikan pertambahan pengajar yang berkualiti tinggi keluaran IPG dan IPTA termasuk pengajar kelulusan ijazah yang ditempatkan di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Selain daripada itu, penyebatian ICT dengan pembelajaran secara *weblog* telah menjadi satu metodologi dalam sistem pendidikan. Ia menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran *weblog* berjalan, interaksi berlaku di antara pelajar dengan bahan pengajaran, pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pengajar. Dalam proses pengajaran yang berpusatkan pengajar, pelajar menjadi pasif atau bersifat sehalu. Situasi pengajaran yang kurang menarik menjadikan pelajar kurang berminat untuk belajar.

Pembelajaran *weblog* melebihi aktiviti bekerjasama kerana ia melibatkan perkongsian hasil penemuan dan hasil pembelajaran baru (Schrage, 1990). Menurut Jonassen (1996), pembelajaran secara *weblog* dapat membantu pelajar membina pengetahuan yang lebih bermakna jika dibandingkan dengan pembelajaran secara





individu. Dengan menjalankan aktiviti dan projek pembelajaran secara *weblog*, kemahiran berkomunikasi akan dipelajari oleh pelajar.

Apabila Kementerian Pendidikan Malaysia menyenaraikan Pendidikan Muzik sebagai salah satu mata pelajaran di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan maka subjek ini harus mengikuti perkembangan pendidikan semasa dan paradigma juga akan berubah mengikut trend seperti teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini hanya akan berjaya dengan adanya kaedah-kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam membincangkan potensi pembelajaran muzik berasaskan web, Hill (1997) menyatakan bahawa pembelajaran web memberi peluang kepada pelajar untuk memperolehi strategi berfikir pada aras tinggi dengan menggalakkannya berfikir secara mencapah dari pelbagai perspektif. Pendapat ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Sanders dan Morrison-Shetlar (2001) yang mendapati bahawa komponen web yang memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara tak-sinkroni antara satu sama lain, mempunyai kesan positif tinggi terhadap pembelajaran dan kemahiran berfikir secara kritis.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan muzik telahpun diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran penyuburan diri untuk pelajar di dua buah maktab perguruan pada tahun 1950-an yang telah diwujudkan di England, iaitu Malayan Teachers' College (MTC) di Kirby dan Brinsford. Pada penghujung tahun 1950-an, amalan ini telah dilaksanakan oleh hampir semua maktab perguruan dan pusat latihan pengajar yang lain seperti *Day Training Centres (DTC)* di Malaysia. Tujuan utama mengadakan pendidikan muzik ketika itu adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar maktab menghayati muzik (Johami Abdullah, 1993).

Secara ringkasnya, muzik pernah ditawarkan kepada semua pelajar di semua maktab perguruan sebagai subjek penyuburan diri dari tahun 1950 sehingga 1993. Sepanjang tempoh ini kandungan kurikulum muzik telah melalui banyak perubahan. Pada masa itu, rasional menawarkan muzik kepada pelajar ialah untuk mewujudkan satu masyarakat majmuk yang bersatu padu di Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, penghayatan muzik telah dilaksanakan melalui:

- (a) aktiviti nyanyian seperti menyanyi lagu-lagu patriotik dan karya-karya muzik tempatan dan
- (b) memainkan alat-alat muzik tradisional dan klasikal

Kesemua aktiviti ini bukan sahaja dapat membangkitkan perasaan patriotik dan semangat cintakan tanah air tetapi juga boleh mempertingkatkan kreativiti dan





memperkaya kehidupan seseorang. Aktiviti muzik sudah sekian lama menyerikan kehidupan di maktab perguruan, sama ada sebagai kegiatan di luar kurikulum atau dijalankan sebagai program formal.

Pada tahun 1996, Kursus Diploma Pendidikan Malaysia (KDPM) telah dilancarkan untuk menggantikan Sijil Pendidikan Guru. Kurikulum KDPM hanya menawarkan muzik kepada pelajar yang pengkhususannya muzik sahaja. Ini bermaksud hanya 20 - 30 orang pelajar dalam setiap maktab yang berpeluang belajar muzik. Pada tahun 2001 pula, pendidikan muzik elektif telah ditawarkan kepada beberapa kumpulan pelajar yang memilihnya. Tawaran muzik elektif ini telah menambahkan bilangan pelajar untuk belajar muzik tetapi malangnya masih terdapat segolongan besar pelajar yang terkecuali walaupun minat dalam bidang muzik.



Bermula 2007, penjenamaan Maktab Perguruan kepada Institut Perguruan telah bermula dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian telah ditawarkan programnya di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Ianya merupakan satu program latihan perguruan pra perkhidmatan bagi melatih pengajar sekolah rendah dalam pelbagai mata pendidikan. Sebagai prasyarat, pelajar dikehendaki mengikuti kursus persediaan selama tiga semester di Pusat Pengajian Tinggi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelajar yang lulus kursus persediaan ditawarkan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dengan Kepujian selama empat tahun (BPG, 2007).





Bagi Pendidikan Muzik Kursus Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) pula bertujuan melengkapkan calon dengan pengetahuan dan kemahiran asas sebagai persediaan mengikuti Program Kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Muzik). Pengetahuan dan kemahiran asas yang perlu dibekalkan kepada calon-calon pendidikan muzik ini seharusnya mengikut arus perdana dari segi pengkaedahan pengajaran yang lebih terbuka. Kenyataan tersebut bermaksud interaksi pelajar dengan pengajar, pelajar dengan pelajar bukan hanya berlaku di dalam bilik kuliah malahan ia seharusnya berterusan di luar bilik kuliah malahan boleh berinteraksi dengan dunia luar.

Pengetahuan dan asas kemahiran yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Muzik di Pusat Pengajian Tinggi merangkumi Bahasa Muzik, Kemahiran Muzik Asas, Apresiasi Muzik (Muzik Tradisional Malaysia), Kemahiran Vokal, Kemahiran Instrumental serta Aktiviti dan Permainan Muzikal. Sukatan ini juga digubal untuk membantu membina dan mengembangkan kualiti muzikal.

Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu mengikuti trend pembelajaran masa kini yang banyak tertumpu dalam bidang ICT. Suasana pengajaran dan pembelajaran secara interaktif akan menggalakkan komunikasi aktif dalam pelbagai hala. ICT khususnya komputer seharusnya memerlukan penyambungan internet demi mengurangkan jurang digital dalam menerima maklumat. Gabungan pelbagai media memanfaatkan sepenuhnya deria penglihatan dan pendengaran, yakni multimedia mampu menarik minat pelajar untuk





belajar. Namun, menjadi keutamaan bagi seseorang pendidik ialah pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi penggunaan komputer dan internet sebagai alat bantu mengajar di peringkat pengajian tinggi akan memperkukuhkan lagi minat pelajar-pelajar terhadap subjek yang dipelajari.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang penting dalam lipatan sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara bertahap dari sebuah kolej ke sebuah universiti. Agak menarik apabila meneliti tahap perkembangan institusi ini, kerana ia meniti satu landasan sejarah yang sama, mendukung falsafah penubuhan yang sama dan mekar dalam taman yang sama. Secara kronologi, perkembangan UPSI melalui tiga era, iaitu era SITC (29 November 1922 - 1957), era MPSI (1957 - 1987) dan era IPSI (21 Februari 1987 - April 1997). Tiga era ini juga memperlihatkan wadah generasi pendidik yang dilahirkan oleh institusi ini dalam tempoh 75 tahun. Tanggal 1 Mei 1997 bermulalah lembaran barunya sebagai sebuah universiti, apabila universiti ini diperbadankan di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997 menerusi Warta Kerajaan P.U (A) 132 & 133 yang bertarikh 24 Februari 1997.

Fakulti Muzik dan Seni Persembahan merupakan kesinambungan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kesenian yang ditubuhkan pada tahun 1997. Ekoran daripada penstrukturan semula fakulti dalam tahun 2002, fakulti ini telah dijenamakan semula sebagai Fakulti Seni dan Muzik. Seterusnya, penstrukturan terkini pada Jun 2012





telah menghasilkan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan yang sedia ada. Fakulti ini terdiri daripada Jabatan Muzik dan Jabatan Seni Persembahan yang menawarkan pelbagai program dalam bidang muzik, teater dan tari pada peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Program Sarjana Muda Pendidikan (Muzik) dengan Kepujian yang ditawarkan di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris berhasrat untuk melahirkan pendidik muzik bestari yang berketerampilan dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta bersedia menyahut cabaran Wawasan 2020. Kandungan kurikulum program ini digubal begitu rupa dengan matlamat untuk membentuk pendidik muzik yang mempunyai pengetahuan, berkemahiran dan mempunyai keyakinan yang tinggi khususnya untuk melaksanakan kurikulum dan aktiviti kokurikulum muzik di sekolah. Melalui kurikulum yang seimbang dari segi pengetahuan dan kemahiran muzik serta aspek pedagogi pendidikan muzik, program ini diharapkan dapat melahirkan pendidik muzik yang lebih berwibawa.

1.2.1 Muzik Tradisional Malaysia SMT2252

Di dalam konteks kajian ini, subjek Muzik Tradisional Malaysia (SMT2252) yang mempunyai 2 jam kredit akan menjadi mata pelajaran kajian. Kursus ini memberi pendedahan kepada beberapa bentuk muzik klasik, rakyat, dan sinkretik di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, pengaruh, fungsi dan elemen-





elemen muzik sesebuah masyarakat atau kaum di Malaysia. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan amali melalui penyelidikan beberapa jenis muzik tradisional yang dipilih:

Objektif Muzik Tradisional Malaysia SMT2252

- Mengenal tentang muzik klasik, rakyat, sinkretik, popular dan seni kontemporari di Malaysia.
- Mengenal dan mengetahui sejarah, fungsi, alat muzik, elemen-elemen muzik (melodi, irama, tekstur, harmoni, form dan lain-lain)
- Memberi kesedaran tentang pentingnya identiti, pewarisan tradisi dan stail tersendiri yang unggul.
- Menghargai budaya dan nilai muzik tradisional.
- Memahami perkaitan muzik dengan budaya, agama dan sistem kepercayaan



Daripada hasil pembelajaran yang disasarkan di atas, untuk memastikan keberkesanan dalam mencapai objektif tersebut, ia memerlukan satu kaedah yang efektif agar objektif yang diunjurkan boleh dicapai. Kandungan yang terdapat dalam subjek Muzik Tradisional Malaysia (SMT2252) ini seharusnya dapat menyepadukan aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran khusus untuk penerokaan dan peningkatan kreativiti serta persembahan muzik. Kurikulum yang diwujudkan ini berperanan menyediakan pelajar dengan pendekatan terkini yang lebih berdaya saing. Kurikulum ini juga membantu pelajar menghargai peranan teknologi selain daripada





kemahiran ‘intrapersonal’ dan ‘interpersonal’. Selain itu, interaksi dan komunikasi juga dapat dikembangkan.

Pendidikan Muzik menitikberatkan penyertaan dan penglibatan aktif pelajar selaras dengan kehendak kandungan Struktur Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik yang merangkumi aspek teori, amali dan apresiasi. Setiap pelajar dikehendaki memainkan peranan secara aktif dalam pembelajarannya. Peranan ini melibatkan pelajar mendengar, menyampaikan pendapat, memainkan alat muzik, berbincang, mencipta, mengubah, berunding, berkompromi, membuat refleksi, menilai dan membuat keputusan estetik sama ada sebagai individu atau ahli kumpulan.



Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini dinilai secara berterusan sepanjang tempoh pembelajarannya. Pelajar perlu sentiasa bersedia sedia menghadapi penilaian supaya penilaian itu dapat mengukur pencapaian sebenar pelajar yang akan membolehkan tenaga pengajar menjalankan tindakan susulan yang sesuai.

Suasana pengajaran dan pembelajaran yang interaktif akan menggalakkan komunikasi aktif dalam pelbagai hala iaitu pelajar-pengajar, pelajar-pelajar dan pelajar-komputer. Gabungan pelbagai media yang memanfaatkan sepenuhnya deria penglihatan dan pendengaran mampu menarik minat pelajar untuk belajar. Namun, yang menjadi keutamaan bagi seseorang pengajar ialah pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.





Oleh itu pendekatan pengajaran dan pembelajaran perlu mengikuti trend pembelajaran masa kini yang banyak tertumpu dalam bidang ICT. Salah satu daripadanya ialah penggunaan weblog dalam memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

Harus diingat bahawa ICT hanya bertindak sebagai pelengkap, tambahan atau alat bantu kepada pengajar. Penggunaan *weblog* tidak akan mengambil alih tempat dan tugas seseorang pengajar. *Weblog* adalah sebagai satu saluran pilihan dalam menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih berkesan. ICT digunakan hanya jika perlu dan pilihan yang terbaik. Sekiranya terdapat pilihan lain yang lebih berkesan untuk menyampaikan maklumat maka pilihan tersebut yang patut digunakan bagi tujuan yang dimaksudkan. Di dalam sebarang bentuk pengajaran, kejayaannya banyak bergantung kepada usaha pengajar dan juga pelajar. Senario pembelajaran dahulu menganggap pendidik sebagai orang serba tahu dan ditugaskan menyalurkan maklumat dan pelajar hanya bertindak sebagai penerima maklumat. Tanggapan itu telah jauh berubah dengan pendekatan pembelajaran masa kini. Pembelajaran berbantuan sistem seperti penggunaan weblog akan mendorong pelajar memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembelajaran.





1.2.2 Web2.0

Web merupakan platform pendidikan yang terunggul pada masa ini dan boleh dilayari dengan pelayar yang paling popular seperti Internet Explorer, Mozilla Firefox, Opera dan Google Chrome serta berupaya mengendalikan apa jua bentuk data. Tambahan pula dengan adanya bahasa pengaturcaraan Java (*Sun Microsystems*) telah membolehkan animasi dan audio diintegrasikan bersama *hyperteks* dan grafik dokumen web. Semua perkembangan ini mempunyai potensi yang tinggi dari segi implikasinya terhadap pendidikan muzik.

Dewasa ini laman web seperti *Myspace.com* dan *Facebook.com* mendapat tempat di media elektronik. Laman-laman web seperti ini menjadi tarikan berjuta-juta pengguna yang kebanyakannya dari golongan pelajar yang melayari pelbagai jenis laman web sosial. Laman web sosial ini merupakan sebahagian besar dalam kategori teknologi web yang dikenali sebagai Web2.0.

Web2.0 merujuk kepada web generasi ke 2 yang menjurus kepada perkhidmatan berasaskan *weblog* atas talian (*collaborative online*) dan perkongsian antara pengguna. Perkhidmatan ini dapat dilihat dengan jelas tentang perubahan penerimaan maklumat yang statik dan terbatas kepada komunikasi yang lebih terbuka di mana kuasa ditangan pengguna melalui perbincangan dilapangan.





Web2.0 merupakan gelombang baru dalam aplikasi web di mana pengguna akan membina sendiri pengisian dalam web. Tim O'Reilly, CEO O'Reilly Media Inc. yang merupakan perencana dibelakang Web2.0 telah membuat satu perbandingan dan perbezaan diantara Web1.0 dan Web2.0. Di dalam dunia Web1.0, kandungan dibina dan diterbitkan oleh sekumpulan pakar yang dipilih oleh penerbit seperti penerbitan buku. Pada Web2.0, sesiapa sahaja boleh menambah atau menyunting gedung ilmu (Baumann, 2006).

Istilah Web2.0 merujuk kepada laman web generasi ke 2 iaitu perkhidmatan yang lebih kepada perkongsian dan weblog antara pengguna. Istilah ini dicipta oleh Dale Dougherty, O'Reilly Media semasa fasa perancangan upacara Persidangan Web2.0 pada tahun 2004 (O'Reilly, 2005). Web2.0 merujuk kepada perkhidmatan berasaskan web yang menekankan weblog dan perkongsian diantara pengguna web. Perkhidmatan web yang dahulunya dipanggil Web1.0 iaitu Web Generasi Pertama sebelum ini yang berbentuk statik dan terasing telah bertukar menjadi laman yang dinamik dan komunikasi yang terbuka dan bertimbal balik.

1.2.3 Weblog

Beberapa dekad yang lalu, kajian dalam pendidikan begitu terserlah dalam bidang teknologi pengkomputeran. Pemerhatian yang khusus dan perkembangan teknologi yang begitu drastik merupakan nilai tambah dalam keyakinan menggunakan teknologi





sebagai satu alat dalam pendidikan. Pelajar digalakkan menggunakan laman web dalam mencari bahan-bahan elektronik, menggunakan email, pesanan pantas (Instant Messenger), portal dan pelbagai lagi. Kelebihan dalam penggunaan Internet dalam pendidikan memang tiada kesudahan dan penghujungnya, di mana pelajar dan juga pendidik mempunyai pelbagai peluang dan kemudahan dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Sering kali pengajar atau pendidik akan mencari sesuatu yang popular dan baru dalam dunia teknologi untuk digunapakai dalam pengajaran mereka. Ledakan teknologi yang baru ketika ini iaitu weblog dan lebih popular disebut blog.

Populariti weblog di dalam 5 tahun kebelakangan ini tidak boleh dinafikan.

Mengikut Jeffry Henning (2003) dalam kajiannya, memperlihatkan kewujudan laman *weblog* baru melebihi daripada 600 peratus di antara tahun 2000 hingga 2003 dan beliau juga mendapati terdapat lebih dari 10 juta *weblog* pada akhir tahun 2004. Tambahan pula Merriam Webster menyatakan perkataan *weblog* merupakan *Word Of The Year 2004*. Beliau juga telah mengistilahkan *weblog* sebagai:

“Weblog noun[short for weblog] (1999): a website that contain a personal journal with reflection, comments, and often hyperlinks provided by writer”

Carolyn Mille dan Dawn Sherped (2004) dalam tugasnya di *weblog* menjadikan *weblog* sebagai genre, lebih terperinci dan berbentuk akademik. Katanya lagi, “*weblog* mempunyai banyak bentuk iaitu seperti tarikh pos, bermula dengan pos terkini, dan kebanyakannya menggunakan pautan. *Weblog* direka dalam bentuk pos yang mana mempunyai masa, pautan tetap dan juga bahagian komen serta nama





pemilik. Ianya merupakan bahagian asas dalam weblog dan bergerak secara *reverse chronology*.

Barger telah mencipta istilah “weblog” pada 1997 (Blood, 2000) dan istilah ini telah dipendekkan kepada “blog” (Merhloz, 2002). Istilah blog ataupun weblog ada dirujuk daripada *Online Journals* (Nardi, 2004). Menurut *Weblog Herald*, terdapat 60 juta weblog yang wujud dalam dunia siber pada Mei 2005.

Secara mudah, blog (ringkasan bagi weblog) adalah platform yang digunakan untuk menyatakan pendapat peribadi, atau pengkajian mengenai sesuatu perkara, dan sentiasa dikemaskini setiap hari. Konsep *weblog* adalah sama seperti buku diari harian. Perbezaan ketara weblog dengan laman web biasa adalah, setiap kali mengemas kini atau memasukkan artikel/pos terbaru, yang terkini akan berada di atas dan yang lepas akan berada di bawah (*reverse chronological order*).

Selain itu, *weblog* mudah untuk diuruskan atau diguna oleh sesiapa sahaja. Pengetahuan teknikal yang tinggi tidak diperlukan kerana untuk menggunakan *weblog*, ia telah dilengkapi dengan pelbagai fungsi. Sama seperti menggunakan aplikasi *Microsoft Office*. Hakikatnya weblog juga adalah sebuah laman web yang perlu dikemaskini, diurus dan dijaga dengan baik. Namun, ciri-cirinya membuatkan ia berbeza dengan jenis laman web yang lain seperti laman web statik atau jenis CMS (*Content Management System*).





Weblog juga biasanya mudah diindek oleh enjin pencari atau enjin carian kerana ia sentiasa dikemaskini. Disebabkan ciri inilah *weblog* begitu cepat menjadi popular terutamanya kepada “*internet marketer*” dan pemilik perniagaan internet. Ia menjadi alat pemasaran yang amat berkesan disebabkan mudah disenaraikan di enjin pencari.

Weblog juga boleh dipasang di laman web. Untuk tujuan ini, anda perlu memasang Laman *Weblog*. Ketika ini, Laman *Weblog* Wordpress merupakan Laman *Weblog* yang amat popular dalam kalangan webmaster disebabkan mudah digunakan mengikut kemahuan sendiri dan mempunyai banyak *plug-in* yang hebat.

Dalam konteks pendidikan pula, kewujudan *Open Source* ataupun dikenali sebagai sumber terbuka menjadikan *weblog* sangat relevan dalam pendidikan. *Weblog* sangat bersesuaian digunakan dalam sistem Pendidikan Pengajian Tinggi seperti di Universiti ataupun IPG. Kaedah pengajaran seperti pendekatan Konstruktivisme boleh disesuaikan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan pembelajaran *weblog* yang disokong oleh elemen-elemen multimedia.

1.2.4 E-Portfolio

Konsep e-portfolio pelajar telah dikenali dan dilaksanakan dalam bidang akademik seperti Bahasa Inggeris, kewartawanan, dan komunikasi. Lantaran itu, e-portfolio





telah menjadi bahan dokumentasi kemahiran prestasi dalam pelbagai bidang pendidikan dan dapat menyediakan pelajar dan guru-guru dengan kaedah untuk memapar dan berdasarkan bukti amalan terbaik dan pelbagai jenis bakat pelajar. Ia merupakan satu lagi aplikasi popular dalam menyediakan platform untuk menunjukkan nilai pembelajaran melalui pengalaman atau untuk menilai kredit untuk pembelajaran. Sebagai contoh, pengkajian portfolio telah digunakan dengan banyak dalam bidang pengajian kreatif dan lain-lain jenis kursus komunikasi untuk membentangkan profil pelbagai kemahiran kreatif dan teknikal pelajar.

Kini laman web banyak yang menyediakan maklumat mengenai e-portfolio terutamanya yang menawarkan pelbagai model tentang bagaimana portfolio elektronik atau digital digunakan untuk pelbagai tujuan. Kebanyakannya laman web tersebut datang dari kolej dan universiti di seluruh dunia. Mengikut Seldin (2004) menggunakan e-portfolio dan pengajaran dan pembelajaran adalah jelas dan kini menjadi keutamaan dalam aliran pendidikan tinggi.

E-Portfolio bermaksud mengumpul hasil kerja pelajar dan bekerja secara sistematik untuk mewujudkan portfolio yang boleh menjadi asas kepada penilaian. Portfolio pembelajaran elektronik (*e-portfolio*) adalah selaras dengan kandungan portfolio tradisional, tetapi e-portfolio mempunyai ciri-ciri penyimpanan mudah dan senang diurus, dan ia boleh menyimpan banyak ruang. Di samping itu, para sarjana menyatakan bahawa e-portfolio boleh memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan artistik. E-portfolio





membolehkan guru menilai kerja pelajar untuk tujuan melihat dan memantau pembangunan dan pencapaian secara berperingkat (Sabol, 2006).

Dalam konteks kajian ini, tugas yang tertumpu kepada e-portfolio ialah jurnal refleksi yang boleh mencetus kemahiran berfikir aras tinggi yang dibuat selama 14 minggu di mana hasil kerja lapangan yang didokumentasikan melalui *weblog* kumpulan dan juga debat secara maya dilakukan di atas talian (*online debate*).

1.2.5 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Onosko dan Newman (1994) menjelaskan bahawa Pemikiran Aras Tinggi (*higher-order thinking*) didefinisikan sebagai penggunaan minda secara meluas untuk menghadapi cabaran-cabaran baru. Penggunaan minda secara meluas berlaku apabila seseorang itu perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menjawab soalan atau menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Hanya dengan mengaplikasikan maklumat yang telah diperolehi lebih awal untuk menjawab atau menyelesaikan masalah dalam situasi baru mungkin tidak akan membuahkan hasil. Mengikut Zevin (1995), pada kebiasaannya, Pemikiran Aras Tinggi merupakan perluasan maklumat yang sedia ada dalam minda untuk menghasilkan sesuatu yang baru atau asli. Masalah-masalah yang mempunyai pelbagai kemungkinan penyelesaian merupakan nadi kepada Pemikiran Aras Tinggi.






KBAT merupakan satu program kemahiran berfikir yang menggunakan aktiviti-aktiviti pemikiran peringkat tinggi melalui komputer untuk memperbaiki kemahiran asas, keyakinan sosial dan kemahiran penyelesaian masalah pelajar (Pogrow, 1985). Penguasaan kemahiran dan keyakinan adalah syarat yang penting untuk pelajar melibatkan diri dengan cekap dalam aktiviti pembelajaran yang kompleks. Sebelum menggunakan komputer, pengajar perlu mengadakan satu perbincangan pemikiran di mana pelajar diminta menerangkan kesan dari strategi mereka dan pengajar juga mengutarakan soalan-soalan yang mencabar untuk pelajar selesaikan.

Perlaksanaan program KBAT adalah berpisah dari pengajaran kelas yang biasa. Seharusnya KBAT menggabungkan aktiviti komputer yang membolehkan pelajar menguji secara serta merta akibat dari idea mereka terhadap soalan-soalan, dengan kaedah pengajaran. Ini memberikan peluang kepada pelajar untuk banyak berfikir secara berkesan. KBAT membantu pelajar membina strategi untuk menghubungkan idea-idea mereka secara berkesan. Oleh itu penggunaan *weblog* di dalam subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia akan digunakan berasaskan kepada tugas yang mengandungi ciri-ciri Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).





Rajah 1.0. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi , Teori Dan Amalan : (N. R. Rajendran, N., & Idris, P. U. P. S. , 2008)

1.3 Penyataan Masalah

Dalam era dunia tanpa sempadan dan *e-knowledge* ini pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi perlu meniti arus perdana. Pendidikan muzik masa kini harus disesuaikan dengan kemajuan ICT dan keperluan semasa. Selain daripada pembelajaran muzik secara konvensional dengan penekanan kepada seni muzik perse, pelajar harus didedahkan kepada aspek penggunaan Internet yang berasaskan Web 2.0. Cadangan ini diharap dapat memberi persediaan secukupnya kepada pelajar secara amnya untuk menghadapi dunia pendidikan sebenar apabila mereka melangkah keluar dari menara ilmu kelak. Bagi pendidik muzik khususnya, mereka bukan hanya perlu melengkapkan diri dengan kemahiran muzik malahan kaedah pengajaran juga haruslah seiring dengan kepantasan teknologi.



Pihak JNP (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1993) melaporkan pengajaran yang membosankan telah mengaburkan pencapaian objektif pembelajaran dan matlamat pendidikan. Hasrat untuk melahirkan pelajar yang kreatif tidak kesampaian. Menurut Cropley (1992):

“seseorang tidak akan menjadi pelukis, penyajak atau pemuzik dengan hanya membaca buku tentang lukisan, sajak atau muzik. Begitu juga dengan mencalit warna ke atas kanvas, membentuk sajak yang tidak teratur atau cetuskan nota muzik, tidak menjadikan seseorang itu artis kecuali dua perkara, iaitu: potensi kreatif dan pendidikan yang menekankan kreativiti”. m (231)

Berdasarkan laporan kajian yang di buat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD, 2000), kualiti pengajaran Pendidikan Muzik masih tidak bermaya dan kurang memuaskan pada keseluruhannya kerana aktiviti di dalam kelas didapati kurang menarik dan kurang merangsang minat pelajar. Menurut laporan itu lagi 40%-60% pengajar muzik menilai mereka telah dapat mencapai objektif, iaitu memperkembang kebolehan kreativiti, nilai estetika dan ekspresi diri serta menikmati muzik dalam kalangan pelajar.

Melihat daripada peratusan itu, ini bermakna PDP yang dijalankan oleh pengajar tersebut ternyata gagal mencapai matlamatnya. Laporan ini dibuat pada tahun 1997 manakala implimentasi KBKK kepada semua mata pelajaran adalah sejak tahun 1994 lagi. Oleh itu pengkaji melihat untuk membangunkan pemikiran pendidik mengenai KBKK khususnya Kemahiran Berfikir Aras Tinggi perlulah dilakukan di Institut Pendidikan Tinggi sebelum pelajar terjun ke realiti sebenar iaitu di arus perdana pendidikan.





Pendekatan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) melalui *weblog* terhadap subjek Pendidikan Muzik akan mengubah suasana dan menghidupkan situasi pembelajaran. Perlakuan pelajar yang pasif boleh diatasi dengan mengaktifkan interaksi pengajar dengan pelajar, pelajar dengan pelajar dan mengguna alat bantu mengajar di samping memberi sedikit kebebasan untuk berfikir secara kreatif. Penglibatan aktif pelajar meningkatkan kemahiran berfikir dan memudahkan pelajar meluahkan idea.

Kaedah kuliah dengan penggunaan media pengajaran yang minimum iaitu dengan menggunakan edaran bahan bercetak sahaja boleh menimbulkan kebosanan dalam kalangan pelajar. Ini boleh menyebabkan mereka tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa pengajaran dan seterusnya akan ketinggalan dalam memahami isi pendidikan pada masa tersebut. Di dalam subjek seperti Muzik Tradisional Malaysia misalnya, terdapat dua kaedah yang perlu pelajar ikuti iaitu teori dan amali. Subjek yang berasaskan teori memang boleh menjemukan pelajar apatah lagi jika kaedah yang digunakan tidak disertakan dengan bahan-bahan yang berasaskan multimedia.

Kemahiran berfikir merupakan satu daripada kemahiran yang dikembangkan seiring dengan aspek pengetahuan dan nilai semua mata pelajaran. Dalam kurikulum muzik di Institut Pendidikan Guru Malaysia (Pusat Pengajian Tinggi), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi memang telah dicatat di dalam sebahagian objektif (Bahagian Pendidikan Guru, 2007). Pengajaran Kemahiran Berfikir telah diperkenalkan dalam semua mata pelajaran di sekolah di Malaysia. Namun pelaksanaan Pendidikan Muzik





yang terutamanya melibatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi masih kurang diamalkan.

Beberapa andaian dibuat tentang sebab mengapa pengajaran kemahiran berfikir tidak dipraktikkan. Antaranya pelajar perlu menguasai fakta sebelum diajar dengan Kemahiran Berfikir dan penekanan peperiksaan yang mementingkan pengujian kebolehan pelajar mengingat kembali fakta (Phillips, 1992). Pendekatan soalan dalam peperiksaan juga turut berubah. Lebih banyak soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir akan dikemukakan di dalam peperiksaan awam di sekolah.

Objektif yang ditetapkan dalam subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia, menyatakan keperluan kemahiran berfikir aras tinggi ataupun KBAT (High Order Thinking Skill). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan penaakulan perlu dikembangkan melalui pengajaran penyelesaian masalah, iaitu sebagai satu topik dalam pengajaran dan menggunakan pedagogi berfokuskan penyelesaian masalah. Oleh yang demikian pemikiran kritis dan kreatif perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam subjek Muzik Tradisional Malaysia (SMT2252) kemahiran ini amat diperlukan berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan seperti menganalisis, mengaplikasi, mensintesis dan menilai, iaitu elemen yang ada dalam KBAT. Ini amatlah bersesuaian dengan penggunaan *weblog* sebagai alat memantapkan pengajaran dan pembelajaran kerana ianya mempunyai ciri-ciri tersebut.





Proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan. Kebanyakan pendidik biasanya akan menyampaikan pengetahuan berasaskan isi kandungan (*content*) dan berpusatkan pengajaran itu sendiri. Matlamat pendidik mungkin hanya ke arah menyediakan pelajar untuk menduduki peperiksaan pada setiap akhir semester. Dengan cara ini proses pembelajaran akan hanya berlaku secara dasar sahaja. Pemahaman pelajar samada dapat menguasai kemahiran ataupun tidak bukan merupakan suatu kepentingan. Adakalanya setiap konsep yang disampaikan tidak jelas dan berada jauh di luar konteks sebenar.

Sehubungan itu, pelajar haruslah dilatih dengan kemahiran berfikir pada peringkat yang lebih tinggi, secara kritikal, menganalisis maklumat serta mensintesis maklumat bagi menyelesaikan masalah dalam pelbagai konteks. Oleh itu, kajian harus dijalankan untuk melihat sejauh manakah penggunaan *weblog* yang bercirikan multimedia mampu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar dalam kursus SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia.

Penggunaan Multimedia yang berasaskan CD-ROM merupakan kaedah yang baik tetapi ianya agak terhad dan sudah dipakejkan. Apabila diulang-ulang pelajar sudah dapat mengagak apa yang berlaku selepas itu. Interaksi hanya berlaku di antara pelajar dengan CD-ROM sahaja dan ini tidak mencabar daya pemikiran pelajar itu sendiri. Oleh itu, jika ada perubahan dari segi kandungan dalam CD-ROM itu, ianya perlu dinaiktaraf dengan peningkatan versi. Namun demikian ini melibatkan kos dan memakan masa.





Penggunaan modul sedia ada hanya melibatkan komunikasi sehalu dan hanya melibatkan penggunaan grafik yang minimum. Sekiranya terdapat arahan aktiviti yang sukar difahami, pengajar harus menerangkan semula kepada pelajar berkenaan. Oleh kerana pelaksanaan modul adalah mengikut kemajuan pelajar, pengajar harus berulang kali memberi penerangan bahagian arahan aktiviti yang kurang difahami oleh pelajar. Keadaan ini sudah tentu memenatkan pengajar sekiranya pada masa yang sama terdapat ramai pelajar yang memerlukan bantuan pengajar.

Tiga jam waktu dalam seminggu yang diperuntukkan dalam jadual waktu untuk subjek Muzik Tradisional Malaysia adalah tidak mencukupi untuk mempelajari setiap objektif pembelajaran yang telah digariskan. Terdapat pelbagai topik dan tajuk perlu dihabiskan termasuklah menghasilkan portfolio dan amali yang memerlukan kemahiran berfikir dan kemahiran bermain alat dalam jangka waktu yang singkat. Ini ditambah lagi dengan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dari segi kekangan masa seperti terlibat dengan program-program luar yang menjejaskan jam waktu kuliah. Oleh itu, pendekatan penggunaan *weblog* sebagai alat bantuan mengajar diharap dapat membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia.





1.4 Signifikan Kajian

Dapatan kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan bagi pihak penggubal kurikulum muzik, jabatan dan kementerian untuk menyemak semula keperluan kursus-kursus pendedahan berkenaan penggunaan teknologi dan pendekatan pembelajaran muzik khususnya Kemahiran Berfikir Aras Tinggi kepada pengajar-pengajar muzik. Selain daripada itu dapatan kajian ini penting kepada pengajar-pelajar yang akan keluar mengajar di sekolah dalam usaha untuk meningkatkan kesediaan dan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan melalui penggunaan *weblog*.



Penggunaan *weblog* sebagai media pengajaran khususnya, adalah diharapkan dapat menghasilkan pengajar yang kreatif dan berinovatif di masa hadapan. Semoga hasil kajian ini dapat membantu pengajar-pengajar menyediakan strategi pengajaran yang lebih baik serta berkesan pada masa akan datang. Secara khususnya dapatan kajian ini boleh digunakan untuk:

1.4.1 Pelajar

Meningkatkan pemahaman pelajar terhadap subjek Pendidikan Muzik khususnya yang berbentuk teori. Pembelajaran melalui *weblog* yang mendorong kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) boleh dikongsi bersama rakan-rakan sepelatih





mahupun rakan-rakan Institut Pengajian Tinggi yang lain dan menjadikan ianya tempat refleksi. Selain daripada itu, pelajar boleh menjadikan *weblog* sebagai jurnal harian atau *e-book*.

1.4.2 Pendidik (Pengajar/guru)

Kajian ini dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di samping mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang disasarkan. Selain daripada itu, melalui refleksi pelajar, pengajar dapat memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran. Ia boleh dijadikan sumber rujukan dan motivasi kepada pengajar untuk membuat inovasi dalam penyediaan bahan pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih difahami dan diikuti oleh pelajar.

1.4.3 Institut Pengajian Tinggi

Pengajaran dan pembelajaran berbantuan *weblog* dijangka dapat meningkatkan prestasi pelajar di samping memberi pendedahan kepada pengajar dan pelajar kepada penggunaan teknologi berasaskan Web 2.0. Gabungan pendekatan pengajaran dan pembelajaran diikuti dengan penggunaan teknologi dilihat seiring dengan Institut Pendidikan sebagai sebuah organisasi yang melatih pengajar. Seharusnya mendahului dalam apa jua kaedah demi untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Institusi





Pengajian Tinggi mempunyai prasarana dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang menyokong aplikasi secara dalam talian. Kemudahan rangkaian intranet dan rangkaian di antara kolej-kolej membolehkan penggunaan *weblog* dilaksanakan secara bersepadu.

1.4.4 Kementerian Pendidikan Malaysia

Seharusnya dapat dijadikan sebagai rujukan untuk pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melihat lebih dekat lagi tentang keupayaan penggunaan *weblog* yang dapat digunakan semaksimum mungkin.



1.5 Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini menggabung teknologi dan pedagogi dalam subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia untuk :

- 1.5.1 Mengukur penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam tugas subjek Muzik Tradisional Malaysia melalui penggunaan *e-portfolio*
- 1.5.2 Mengetahui bagaimana penggunaan *weblog* dapat membantu pelajar dalam menyiapkan tugas subjek Muzik Tradisional Malaysia melalui *e-portfolio*
- 1.5.3 Meninjau persepsi pelajar terhadap penggunaan *weblog* berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam subjek Muzik Tradisional Malaysia





1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian yang dikemukakan seperti berikut:

- 1.6.1 Sejauh manakah pencapaian penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam tugas subjek Muzik Tradisional Malaysia melalui penggunaan *e-portfolio*?
- 1.6.2 Sejauh manakah pencapaian penggunaan *weblog* dapat membantu pelajar dalam menyiapkan tugas subjek Muzik Tradisional Malaysia melalui *e-portfolio*.
- 1.6.3 Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan *e-portfolio* menerusi *weblog* dalam subjek Muzik Tradisional Malaysia?



1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pembelajaran dan Pengajaran

Menurut Mok Soon Sang (2009), pengajaran dalam konteks masa kini boleh ditafsirkan sebagai suatu proses, komunikasi, sains dan seni. Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkait dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian, dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan dengan berkesan.





Morgan (1979) berpendapat, pembelajaran adalah sebarang tingkah laku yang kekal akibat daripada pengalaman yang diperolehi atau latihan yang dijalankan. Teori-teori pembelajaran merujuk kepada prinsip dan hukum pembelajaran yang dihasilkan daripada kajian pelbagai ahli psikologi pendidikan. Teori pembelajaran ini amat berguna untuk memahami pelbagai cara pelajar belajar seterusnya menghubungkan prinsip dan hukum dengan kaedah serta teknik mengajar untuk mencapai objektif pendidikan. Dalam konteks kajian ini, penggunaan *weblog* sebagai alat dalam pengajaran dan pembelajaran akan berfokus kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan pembelajaran *weblog*.



1.7.2 *Weblog*

Weblog adalah sebuah diari atau *jurnal online* yang menyenaraikan pendapat atau pandangan tidak rasmi dan menghubungkan maklumat dengan pihak ketiga secara berkala tentang sesuatu topik khusus dan biasanya disusun mengikut kronologi. *Weblog* mengandungi maklumat yang menggambarkan minat, pemikiran atau pendapat serta mengikut kronologi iaitu maklumat yang terbaru diletakkan di bahagian atas. Ia mudah dikemas kini tanpa memerlukan pengaturcaraan dan membolehkan pembaca memberikan komen dan ulasan. Di dalam kajian ini, *weblog* berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan maklumat, bahan dan tugas pelajar berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan Pembelajaran *Weblog*.





1.7.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu komponen utama dalam Kemahiran Berfikir (KB). Onosko dan Newmann (1994) menjelaskan bahawa Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) didefinisikan sebagai penggunaan minda secara meluas untuk menghadapi cabaran-cabaran baru. Penggunaan minda secara meluas berlaku apabila seseorang itu perlu mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menjawab soalan atau menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Di dalam konteks kajian ini, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi akan dikaji melalui penggunaan *weblog* berdasarkan tugas dan refleksi pelajar terhadap subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia



1.7.4 E- Portfolio

E- Portfolio bermaksud mengumpul hasil kerja pelajar dan bekerja secara sistematik untuk mewujudkan portfolio yang boleh menjadi asas kepada penilaian. Portfolio pembelajaran elektronik adalah selaras dengan kandungan portfolio tradisional, tetapi E-portfolio mempunyai ciri-ciri sebagai penyimpanan mudah dan pengurusan, dan ia boleh menyimpan banyak ruang. E-portfolio membolehkan guru dan pelajar untuk menilai kerja pelajar dengan lebih baik bagi tujuan penilaian dan untuk memantau pembangunan dan pencapaian peringkat (Sabol, 2006). Dalam konteks kajian ini, e-portfolio digunakan sebagai cara merekodkan kerja pelajar. Kerja pelajar yang





dimaksudkan ialah tugas yang diberikan di dalam kursus SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia. Ianya tertumpu jurnal refleksi yang dibuat yang rekodkan selama 14 minggu, hasil kerja lapangan yang didokumentasikan melalui *weblog* kumpulan dan juga debat secara maya yang dilakukan di atas talian (online debate).

1.7.5 Tugas *Weblog*

Pembelajaran melalui penggunaan *Weblog* adalah merujuk kepada satu pendekatan pembelajaran yang melibatkan hubungan kepakaran dalam kalangan pelajar, atau di antara pelajar dengan pengajar secara bersama-sama (Smith, 1992).



1.7.6 Kursus SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia

Ia merupakan salah satu subjek Pendidikan Muzik yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kursus ini memberi pendedahan kepada beberapa bentuk muzik klasik, rakyat, dan sinkretik di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, pengaruh, fungsi dan elemen-elemen muzik sesebuah masyarakat atau kaum di Malaysia. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan amali melalui penyelidikan beberapa jenis muzik tradisional yang dipilih.





1.8 Kerangka Teori

Kerangka teori ialah kerangka yang tersusun untuk menjana masalah kajian dari pelbagai perspektif (Ranjit Kumar, 1996), di mana persoalan kajian atau hipotesis dibentuk (Creswell, 1994). Kerangka teori yang digunakan dalam kajian tesis ini ialah Teori Konstruktivisme yang berfokus kepada aktiviti sosiobudaya yang dibangunkan oleh Vygotsky di awal abad ke 20 dan diperkembangkan oleh Engestrom dan kumpulannya iaitu pengkaji kontemporari Scandinavia pada 1980-an sebagai kaedah pembelajaran yang sangat luas.

Selain daripada Teori Konstruktivisme yang berteraskan Interaksi Sosial, Kerangka teori yang pengkaji gunakan ialah Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (TPACK). Ia merupakan asas kepada pengajaran yang berkesan menggunakan teknologi dan memerlukan pemahaman tentang perwakilan konsep melalui penggunaan teknologi. Teknik pedagogi yang menggunakan teknologi secara membina untuk menyampaikan kandungan serta pengetahuan tentang pengetahuan sedia ada pelajar. Kerangka teori TPACK pengajar adalah satu interaksi yang kompleks antara tiga domain pengetahuan iaitu kandungan, pedagogi dan teknologi.

Pengkaji mencadangkan aktiviti melalui *weblog* mesti diterapkan melalui kaedah dan pendekatan konstruktivisme dan ini membolehkan objektif pembelajaran dapat dicapai dan seterusnya dapat melibatkan pelajar secara aktif di dalam proses





membangunkan ilmu yang baru melalui penjanaan, analisis, manipulasi dan penyusunan maklumat.

1.9 Kerangka Kajian

Kerangka yang menerangkan tentang reka bentuk asas kajian yang akan dijalankan iaitu meliputi pemboleh ubah-pemboleh ubah utama yang dikaji dan cara-cara pemboleh ubah bertindak balas semasa kajian dijalankan.

1.10 Batasan Kajian



Kajian ini merupakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang mengandungi analisis dokumen (*weblog* pengajar dan *weblog* individu pelajar), soal selidik dan temubual semi-struktur. Tiga pendekatan ini dipilih dalam kajian ini untuk melihat data triangulasi dengan tujuan mendapat kebolehpercayaan.

Di dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan hasil kajian ini, data diperoleh daripada temu bual ke atas lima orang pelajar program muzik yang menjalani kursus SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia. Transkripsi temu bual tersebut akan dianalisa bagi menjawab persoalan mengenai kajian tersebut.





Di dalam kajian ini, data dikumpul melalui soal selidik, temu bual semi struktur dan analisis kandungan *weblog* berdasarkan tugas yang diberi. Kaedah ini dipilih untuk mendapatkan lebih maklumat dari sampel. Bagi analisis kuantitatif, data dikumpulkan melalui soal selidik. Sampel akan menjawab soal selidik berdasarkan item-item soalan. Manakala analisis untuk kualitatif pula sampel akan memberi respon melalui temu bual semi struktur dan *weblog* individu dan pengajar dianalisis untuk dilihat perkembangan berasaskan tugas yang diberi.

Batasan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Penyelidikan ini hanya dijalankan di Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Universiti tersebut dipilih kerana ianya menjalankan Program Pendidikan Muzik.
- ii. Kajian ini hanya tertumpu kepada Pelajar Semester 4, Program Pendidikan Muzik, Pengajian Malaysia dan Pengajian Sejarah seramai 72 orang.
- iii. Pengajaran penggunaan e-portfolio melalui *weblog* berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi hanya bertumpu kepada Subjek SMT2252 Muzik Tradisional Malaysia.
- iv. Instrumen kajian yang dibina dan digunakan dalam kajian ini hanya sesuai untuk kajian ini sahaja.

